



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ISU AIR DAN IMPAKNYA TERHADAP HUBUNGAN DUA
HALA MALAYSIA-SINGAPURA**

RIZANI CHE ISMAIL

FEM 2012 32

**ISU AIR DAN IMPAKNYA TERHADAP HUBUNGAN DUA HALA
MALAYSIA-SINGAPURA**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Masters Sains**

November 2012

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains**

**ISU AIR DAN IMPAKNYA TERHADAP HUBUNGAN DUA HALA
MALAYSIA-SINGAPURA**

Oleh

RIZANI CHE ISMAIL

November 2012

Pengerusi: Prof. Madya Zaid Bin Ahmad, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Tesis ini mengkaji isu air yang memberi kesan kepada hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Tujuannya ialah untuk menganalisis faktor yang mencetuskan pertikaian isu air di antara kedua-dua negara dan menilai impaknya ke atas hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Kajian ini menggunakan sumber kepustakaan yang dikutip dari buku, jurnal, akhbar dan hasil kajian sarjana lepas. Bagi memandu tesis ini, kerangka konsepsual konflik digunakan dan diuji pada kes kajian bermula dari tempoh Perjanjian Perbekalan Air 1927 hingga sekarang ini. Andaian utama kajian ini ialah isu air merupakan faktor yang mencetuskan konflik berterusan antara Malaysia dengan Singapura. Kajian ini mendapati dua faktor yang menyebabkan membaranya hubungan Malaysia dengan Singapura. Pertama, berlakunya konflik isu air adalah disebabkan oleh pemahaman yang berbeza mengenai syarat semakan semula harga air selepas tempoh 25 tahun. Malaysia mendakwa ianya boleh dilakukan pada bila-bila masa selepas 25 tahun, tetapi Singapura menyatakan

semakan tersebut hanya boleh dipinda setelah perjanjian itu menginjak usia 25 tahun sekali. Kedua, terdapat enam faktor tambahan yang berkait dengan isu air ini. Keenam-enam faktor tersebut ialah: (i) kegagalan kedua-dua negara untuk menentukan formula harga air, (ii) penentuan kuantiti dan jenis air, (iii) tempoh membuat semakan harga air bagi perjanjian baru (jangka masa), (iv) faktor pakej sebagai alat tawar menawar, (v) faktor pemimpin, dan (vi) faktor media. Impak yang dikenal pasti akibat dari faktor di atas ialah wujudnya hubungan yang kurang mesra dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura, wujudnya perang media dan pertarungan maruah, berlakunya pemansuhan perundingan isu-isu dua hala secara berpakej, bangkitnya ketegangan nasionalisme di kedua-dua negara, berlakunya persaingan ketenteraan secara senyap, dan wujudnya dasar pengurangan pergantungan air Singapura dari Malaysia. Dapatan kajian ini menyumbang kepada khazanah ilmu politik dari satu aspek iaitu hubungan dua hala antara negara bukan hanya disebabkan oleh masalah politik peringkat tinggi (*high politics*) seperti isu sempadan, isu minyak dan isu persaingan persenjataan, tetapi juga dapat dicetuskan oleh politik peringkat rendah (*low politics*) seperti isu air. Ini kerana isu air menyangkut keperluan hidup orang ramai, terutamanya bagi rakyat Singapura.

**Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science**

**WATER ISSUE AND ITS IMPACT ON MALAYSIA-SINGAPORE
BILATERAL RELATIONS**

By

RIZANI CHE ISMAIL

November 2012

Chairman: Prof. Madya Zaid Bin Ahmad, PhD

Faculty: Human Ecology

This thesis examines how the water issue affects bilateral relations between Malaysia and Singapore. The aims are to analyze factors that triggered the dispute over water issue and to assess its impact on bilateral relations between the two countries. This study uses secondary data collected from books, journals, newspapers and the results of previous studies. This study is guided by the conceptual frameworks of conflict and seeks to test them based on a case study that began with the Water Supply Agreement 1927 to the present. The key assumption of this study is that the water issue is a factor that triggered the continuing conflict between Malaysia and Singapore. The study found two factors that caused tensed relations between Malaysia and Singapore. First, the water issue is the source of the conflict due to the different understanding of the conditions for water price review beyond the 25 years period. Malaysia claims that the review can be carried out at any time after 25 years, but Singapore said the review could only be done every 25 years. Second, there are six additional factors related to the water issues. These six factors were: (i) the failure of both countries to determine the pricing formula of water, (ii) determination of the

quantity and type of water, (iii) the period to ascertain the new price of water in the new agreements (term time), (iv) other package as a means of bargaining, (v) the leader factor, and (vi) the media factor. The impacts of the above is that there are less than friendly bilateral relations between Malaysia and Singapore, media war and the battle of dignity between the two countries, the abolition of the negotiations of bilateral issues as a package, the rise of nationalism in both countries, the existence of a silent military competition and Singapore's quietly policy in reducing dependence on supply of water from Malaysia. The findings of this study contributes to the wealth of political knowledge on one aspect of bilateral relations between countries: that is tensed relations are not only caused by the high-level politics (high politics) such as the border issue, the issue of oil and armaments competition, but can also be triggered by low level politics such as water issue. This is because the water issue concerns the need of the peoples, especially for Singaporeans.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat juga saya menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya menyiapkan penyelidikan ini merupakan satu tugas yang sukar, apatah lagi saya terpaksa melakukannya dicelah-celah kesibukan saya sebagai Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Langat yang terbeban dengan banyak tugas pejabat. Begitupun, saya bersyukur kerana dalam kepayahan ini, ramai yang turut terlibat membantu saya dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Nama mereka adalah banyak untuk saya nyatakan satu persatu di sini, tetapi secara khusus, saya ingin menyampaikan penghargaan tertinggi saya kepada Penyelia, Prof. Madya Madya Dr Zaid Ahmad dan juga Prof. Dr Jayum Jawan yang telah dengan tekun dan sabar memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya sehingga tesis ini dapat disiapkan. Sesungguhnya bimbingan tanpa jemu mereka merupakan aset besar yang membolehkan kajian ini disiapkan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah dan kakitangan Fakulti Ekologi Manusia dan juga Sekolah Pengajian Siswazah yang telah banyak membantu saya dari segi urusan pentadbiran. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada pustakawan di Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Arkib Negara Kuala Lumpur dan Johor Bahru yang telah tanpa jemu membantu saya mendapatkan bahan-bahan yang saya perlukan. Begitu juga dengan rakan-rakan dan sahabat handai yang telah memberikan sokongan moral dan bantuan kepada saya dalam keadaan saya memerlukan mereka. Segala jasa budi ini adalah pengalaman

hidup yang akan saya kenang selamanya. Saya yakin tanpa sokongan moral dari rakan taulan, saya tidak mampu melengkapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada keluarga tercinta—mama dan anaknya Syamil, Aqilah, Taufik dan Mazian—yang begitu sabar memahami impian papa selama ini untuk menggenggam ijazah sarjana. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih dan penghargaan ini saya tujuhan untuk bonda tersayang yang telah melahir, mengasuh, membesar, menyekolah dan sentiasa mendoakan kesejahteraan serta kejayaan anaknya di dunia dan akhirat. Kelembutan dan kasih sayang bondalah yang telah menjadi sumber inspirasi saya selama ini. Biarpun ramai orang yang terlibat dalam membantu penyempurnaan tesis ini, saya akui segala kekuranganmya adalah disebabkan oleh kelemahan saya sendiri.

RIZANI BIN CHE ISMAIL
No.10 GO, Qrts Lorong Tecoma 2
Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang
SELANGOR

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 27 November 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Rizani Che Ismail untuk menilai tesis M.S beliau bertajuk "Isu Air Dalam Hubungan Malaysia-Singapura Dan Impaknya Ke Atas Hubungan Dua Hala" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan:

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Mansor bin Abu Talib, PhD

Prof Madya

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Dr Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abdul Razak bin Abdul Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

James Chin, PhD

Profesor
Universiti Monash Kampus Malaysia
Bandar Sunway
(Pemeriksa Luar)

SEOW HENG FONG PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: Januari 2013

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaid Bin Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jayum A. Jawan, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)


BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

A large watermark of the Universiti Putra Malaysia (UPM) logo is positioned diagonally across the page. The logo features a shield-shaped emblem with vertical stripes in red, white, and green. The letters 'UPM' are prominently displayed in the top left corner of the shield. A stylized building or tower is visible behind the shield. The entire watermark is overlaid with a large, semi-transparent diagonal text 'COPYRIGHT UPM'.

RIZANI CHE ISMAIL

Tarikh: 27 November 2012

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	x
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI JADUAL	vix
BAB	
I PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Analisis Konsep Konflik	6
1.6 Sorotan Literatur	14
1.6.1 Kajian Tentang Hubungan Bilateral Malaysia-Singapura	15
1.6.2 Kajian Hubungan Dua Hala Malaysia-Singapura Berdasarkan Isu Air	20
1.7 Kaedah Kajian	25
1.8 Pembahagian Bab	27
II LATAR BELAKANG PERJANJIAN AIR MALAYSIA-SINGAPURA	29
2.1 Pengenalan	29
2.2 Permulaan Perbekalan Air Johor ke Singapura	30
2.3 Analisis Perjanjian Air 1927	38
2.4 Pembangunan Bekalan Air Skim Sungai Tebrau	48
2.5 Krisis Air di Singapura: Analisis Perjanjian Air 1961 dan 1962	56
2.6 Rumusan	68
III FAKTOR PERTIKAIAN ISU AIR ANTARA MALAYSIA DAN SINGAPURA	70
3.1 Pengenalan	70
3.2 Senario Masalah Isu Air Malaysia-Singapura	71
3.3 Faktor Pertikaian Isu Air Malaysia-Singapura	77
3.3.1 Perbezaan tafsiran ke atas tempoh masa membuat semakan harga air mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962	78
3.3.2 Faktor di luar daripada peruntukan Perjanjian Air 1961 dan 1962	82
3.4 Rumusan	89

IV	IMPAK ISU AIR KE ATAS HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA-SINGAPURA	91
4.1	Pengenalan	91
4.2	Wujudnya Hubungan Dua Hala Yang Kurang Mesra	92
4.3	Pemansuhan Rundingan Isu Dua Hala Secara Berpakej	106
4.4	Perang Media dan Pertarungan Maruah	117
4.5	Ketegangan Nasionalisme di Singapura dan Malaysia	123
4.6	Persaingan Ketenteraan dan Kekuatan Pertahanan Secara Senyap	127
4.7	Dasar Mengurangkan Pergantungan Air dari Malaysia	135
4.8	Rumusan	140
V	KESIMPULAN	143
RUJUKAN		159
BIODATA PELAJAR		